

# Bilangan pesakit mental meningkat

Kosmo 19/1/2011 ms 3


PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan bimbang tentang peningkatan masalah kesihatan mental di kalangan rakyat negara ini dengan bilangan pesakit yang menerima rawatan di hospital kerajaan sepanjang tahun lalu meningkat 15.6 peratus atau sebanyak 400,227 orang.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, angka itu mencatat peningkatan 15.6 peratus berbanding tahun 2009.

"Menjelang tahun 2020, salah satu daripada gangguan mental iaitu kemurungan dijangka menduduki tempat kedua dari segi beban penyakit selepas penyakit jantung," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental di sini semalam.

Beliau berkata, untuk membendung gejala ini di peringkat usia muda, pihaknya akan memfokuskan kepada aktiviti mempromosi minda sihat dan pencegahan penyakit mental termasuk pelaksanaan Program Menangani Stres di sekolah sepanjang tahun ini.

Projek itu akan dilaksanakan mulai bulan depan di se-



**BILANGAN** pesakit mental seperti dua beradik ini, Mohd. Mozamri Dasan (kiri) dan Tarmizi semakin meningkat ekoran tekanan hidup zaman moden. - Gambar hiasan

kolah menengah di Teluk Intan, Perak; Seberang Jaya, Pulau Pinang; Jasin, Melaka dan Sabah selama enam bulan bagi melihat keberkesannya.

Tiong Lai berkata, program tersebut melibatkan pakar psikologi dari kementerian yang akan melatih kaunselor dan guru-guru di sekolah bagi mengesan pelajar yang menghadapi masalah tersebut.

Merujuk kepada Kajian Ke-

sihatan dan Morbiditi Kebangsaan, beliau berkata kes morbiditi psikiatrik atau pemikiran tidak sihat meningkat sebanyak 11.2 pada tahun 2006 berbanding 10.6 peratus pada 1996.

"Kadarnya adalah lebih tinggi dalam kalangan wanita muda yang berumur antara 16 dan 19 tahun dan wanita berusia antara 70 dan 74 tahun dengan 6.4 peratus daripada mereka ada niat untuk membunuh diri," katanya.

## Info Penyakit Mental

Bermaksud gangguan pada fungsi otak yang boleh menyebabkan perubahan kepada proses pemikiran, perasaan dan kelakuan



### Kategori penyakit mental

#### 1. Neurosis

- Mengalami perubahan dan gangguan tanpa menjejaskan kewarasan
- Kemurungan, perasaan sedih melampau dan berpanjangan melebihi tempoh dua minggu

#### 2. Psikosis

- Perubahan ketara sehingga menjejaskan kewarasan, mengalami halusinasi (sering berasa keliru dengan mendengar suara-suara ghaib) dan bercakap atau ketawa seorang diri

#### 3. Kecelaruan personaliti

- Kecelaruan yang membuat seseorang itu mengalami kecacatan perwatakan dan karakter

### Faktor penyumbang:

- Genetik di mana terdapat ahli keluarga yang pernah menghidap penyakit mental
- Gangguan bahan kimia dalam otak apabila bahan kimia dalam otak yang dikenali sebagai 'neurotransmitter' tidak berfungsi dengan baik
- Jangkitan virus
- Sejarah hidup yang getir, contohnya, kehilangan ibu bapa semasa kecil
- Sosio-ekonomi yang rendah

sumber: [www.epsikologi.mod.gov.my](http://www.epsikologi.mod.gov.my)